

SEJARAH RAKYAT MALAYSIA

KHUSUSNYA PERKEMBANGAN NASIONALISME

SYED HUSIN ALI

4
A



Pusat Sejarah Rakyat ialah sebuah organisasi bukan mencari keuntungan yang bebas dan profesional bermatlamat mengembangkan memori kolektif dan popular mengenai perjuangan rakyat untuk demokrasi dan keadilan. Tumpuannya adalah terhadap pengumpulan, klasifikasi dan penyimpanan bahan-bahan sama ada yang bertulis, lisan ataupun visual mengenai tokoh, kumpulan dan komuniti, serta mengenai peristiwa dan perjuangan, khususnya yang belum dicatat ataupun yang memerlukan tafsiran semula. Usaha ini melibatkan kerjasama aktivis sosial, ahli akademik, sarjana dan penyelidik dari Malaysia dan juga Singapura. Maklumat lanjut tentang Pusat Sejarah Rakyat dapat diperolehi di: pusatsejarahrakyat.org serta laman media sosialnya.

SEJARAH RAKYAT

(Khususnya Perkembangan Nasionalisme)

MALAYSIA

Syed Husin Ali



PUSTAKA PERDANA



1013502

Pusat Sejarah Rakyat
Kuala Lumpur, Malaysia

Hakcipta © 2024 PSR

Diterbitkan pada tahun 2024 oleh
Pusat Sejarah Rakyat Berhad
11, Jalan Pendita, Taman Connaught, Cheras,
W.P. Kuala Lumpur 56000, Malaysia.
Emel: contact@pusatsejarahrakyat.org
Laman web: pusatsejarahrakyat.org

Cetakan pertama, 2017
Cetakan kedua, April 2018
Cetakan ketiga, Jun 2020
Cetakan keempat, Mei 2022
Cetakan kelima, Januari 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara-elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia / Cataloguing-in-Publication Data



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-26834-3-8

Reka bentuk kulit buku oleh Amin Landak
Atur huruf oleh Janice Cheong

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn Bhd
2, Jalan Meranti Permai 1,
Meranti Permai Industrial Park,
Batu 15, Jalan Puchong,
47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

Kandungan

<i>Singkatan</i>	vii	
<i>Prakata</i>	x	
<i>Prakata II</i>	xiii	
BAB 1	Pendahuluan	1
	Sejarah Rasmi	3
	Sejarah Alternatif	11
	Sejarah Rakyat	14
	Kandungan Buku	17
BAB 2	Sejarah Zaman Silam	19
	Zaman Prasejarah	20
	Langkasuka dan Funan	22
	Kedah Lama	27
	Perdagangan Dan Pembentukan Semenanjung Melayu	30
	Kerajaan Srivijaya	32
	Kesultanan Melaka	34
	Kejatuhan Melaka	37
	Kesultanan Brunei	39
	Susunan Sosio-Politik	40
	Penentangan Terhadap Belanda	42
	Kesimpulan	43
BAB 3	Penjajahan dan Penentangan	47
	Penentangan di Naning	49
	Penentangan di Perak	51
	Penentangan di Pahang	57
	Penentangan di Kelantan	63
	Penentangan di Terengganu	67
	Kedudukan Johor	69

	Penentangan di Sabah	73
	Penentangan di Sarawak	79
	Kesimpulan	85
BAB 4	Nasionalisme: Anti-Penjajah dan Merdeka	89
	Perubahan Institusi	89
	Kesan Ke Atas Gerakan Politik	93
	Pengaruh Jepun	98
	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	100
	Malayan Union dan Penubuhan UMNO	104
	Gerakan Peringkat Kampung – PKMM	111
	a) Peranan Gunung Semanggol	111
	b) Peranan Jenderam	114
	c) Peranan Pahang	115
	Gerakan di Bandar – Kesatuan Pekerja	117
	a) Peranan Wartawan dan Penulis	117
	b) Peranan Kesatuan Pekerja	119
	Pengisytiharan Darurat	122
	Hubungan Antara Kaum	124
	Sarawak Selepas Perang Jepun	127
	Perkembangan di Sabah	133
	Kesimpulan: Ciri-Ciri Nasionalisme	137
BAB 5	Perkembangan Selepas Merdeka	143
	Pembentukan Malaysia	144
	Konfrontasi Indonesia	147
	Peristiwa 13 Mei	151
	Rakyat dan Gerakan Pelajar	158
	Beberapa Peristiwa Politik	163
	Gerakan Reformasi	166
	Perhimpunan Bersih	170
	Gerakan HINDRAF	174
	Perkembangan Politik Mutakhir	176
	Perkembangan di Sabah dan Sarawak	179
	Kesimpulan	182
BAB 6	Kesimpulan dan Penutup	187
	Rujukan	201
	Indeks	209
	Tentang Penulis	215

SINGKATAN

API	Angkatan Pemuda Insaf
AUKU	Akta Universiti dan Kolej-kolej Universiti
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BA	Barisan Alternatif
BERSIH	Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil
BN	Barisan Nasional
BPS	Barisan Pemuda Sarawak
BS	Barisan Sosialis
BMA	British Military Administration (Pentadbiran Tentera British)
DAP	Democratic Action Party (Parti Tindakan Demokratik)
DEB	Dasar Ekonomi Baru
GAGASAN	Gagasan Rakyat
GERAM	Gerakan Angkatan Muda
GERAK	Gerakan Tindakan Rakyat
HINDRAF	Hindu Rights Action Force (Badan Bertindak Hak-Hak Hindu)
ILL	Indian Liberation League (Liga Pembebasan India)
INA	Indian National Army (Tentera Nasional India)
ISA	Internal Security Act (Akta Keselamatan Dalam Negeri)
KEADILAN	Parti Keadilan Rakyat
keADILan	Parti Keadilan Nasional
KMM	Kesatuan Melayu Muda

MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MATA	Majlis Islam Tertinggi Se-Malaya
MCKK	Malay College Kuala Kangsar (Maktab Melayu Kuala Kangsar)
MCJA	Malayan Council of Joint Action (Majlis Tindakan Bersama Malaya)
MDU	Malayan Democratic Union (Kesatuan Demokratik Malaya)
MLAGUS	Maahad Il Ahya ul Sharif
MPAJA	Malayan People's Anti Japanese Army (Tentera Rakyat Malaya Anti Jepun)
PAKATAN	Pakatan Rakyat
PAP	People's Action Party (Parti Tindakan Rakyat)
PAPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu
PASPAM	Persatuan Sahabat Pena
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak
PBM	Parti Buruh Malaya
PBS	Parti Bumiputera Sabah
PEKEMBAR	Pergerakan Kebangsaan Melayu Bersatu
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PKMS	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
PMFTU	Pan-Malaya Federation of Trade Unions (Persekutuan Kesatuan Pekerja Se-Malaya)
PPM	Persatuan Pemuda Melayu
PU	Pakatan Ummah
PRB	Parti Rakyat Brunei
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PSR	Pusat Sejarah Rakyat

PPSO	Protection of Public Security Ordinance (Ordinan Melindungi Keselamatan Awam)
SBUB	Syarikat Borneo Utara British
SF	Socialist Front (Fron Sosialis)
SITC	Sultan Idris Teacher's College (Kolej Perguruan Sultan Idris)
SUPP	Sarawak United People's Party (Parti Perpaduan Rakyat Sarawak)
TNKU	Tentera Nasional Kalimantan Utara
UMNO	United Malays National Organisation (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)
VOC	India Timur Belanda

PRAKATA

Buku Sejarah Rakyat Malaysia ini ialah salah satu daripada beberapa projek yang dirancang, dan ada yang sudah dilaksanakan, oleh Pusat Sejarah Rakyat (PSR). Buku ini sengaja dibuat berbentuk kecil dan bersifat tidak akademik supaya mudah dibaca oleh para pelajar dan masyarakat umum. Selepas ini diharap akan dapat diusahakan pula sebuah buku yang lebih besar dan akademik.

Sebelum memulakan projek buku ini, PSR mengadakan satu majlis untuk membincangkan sebuah kertas kerja, yang telah saya sediakan, mengenai pendekatan serta isi kandungan buku Sejarah Rakyat Malaysia yang dirancang itu. Kami telah mengundang hampir dua puluh orang, dan yang dapat hadir ialah: Prof Abdul Rahman Embong, Prof Cheah Boon Kheng (mendiang), Dr Diana Wong, Fahmi Reza, Dr Francis Loh, Juliet Chin, Dr Johan Saravanamuttu, K. S. Lee, Dr Loh Wai Leng, Prof Shaharuddin Baharuddin, Prof Shaharudin Maarof dan Dr Wong Chin Huat.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka kerana kehadiran dan kesempatan membincang serta memberikan pandangan balas ke atas kertas kerja yang saya bentang. Banyak pandangan mereka menjadi panduan yang berguna semasa saya menyiapkan buku ini. Saya berterima kasih juga kepada Lingswaran Singh yang telah menguruskan majlis perbincangan ini hingga berjaya.

Saya mengambil masa kira-kira setahun untuk mengumpul bahan dan menulis buku ini. Untuk menolong mengumpul bahan, saya beruntung mendapat bantuan yang memuaskan daripada pembantu penyelidik saya, Eijas Ariffin. Saya juga telah meminta beliau menyiapkan draf untuk Bab 2, yang kemudian saya pinda dan ubah untuk disesuaikan dengan keseluruhan buku. Saya sangat terhutang budi kepada Eijas, yang terus sedia membantu apabila ada hal yang saya minta beliau tokok tambah, walaupun setelah beliau menamatkan khidmatnya.

Selepas draf pertama buku ini siap, beberapa orang, hampir semuanya anggota Lembaga Pengarah PSR, telah menghadiri satu sesi untuk membincangkan draf itu. Antara mereka ialah Prof A. Rahman Embong, Dr Diana Wong, Fahmi Reza, Juliet Chin, Dr Poh Soo Kai dan Dr Rusalina Idrus. Mereka ini, bersama dua orang yang tidak dapat hadir, iaitu Dr Chee Heng Leng dan S. Rajamoorthy, telah memberikan banyak kritikan membina dan mencadangkan beberapa pindaan yang baik. Saya telah membuat perubahan yang sesuai ke atas draf ini berdasarkan hampir semua pandangan mereka. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada mereka.

Terima kasih serta sanjungan kepada Anwar Ibrahim yang telah sempat membaca serta memberi komen kepada naskhah awal buku ini yang saya kirim kepadanya di Penjara Sungai Buloh, di mana beliau meringkuk sebagai tahanan politik yang dizalimi.

Tidak lupa anak saya, Nur Alia yang juga membantu mengedit naskhah akhir buku ini sebelum dihantar untuk penerbitan.

Akhirnya, perlu disebut saya mendapat banyak pertolongan daripada Chong Ton Sin, Janice Cheong dan Gerakbudaya dalam urusan penerbitan buku ini. Terima kasih daun keladi tak terhingga kepada mereka.

Nota: Dalam buku ini saya menggunakan perkataan Inggeris dan British dengan maksud yang sama, merujuk kepada English dan British. Saya lebih banyak menggunakan Inggeris.

Dr Syed Husin Ali

(husinsa23@yahoo.com)

Petaling Jaya

1hb Ogos 2017

PRAKATA II

Ini merupakan cetakan kedua buku Sejarah Rakyat Malaysia. Beberapa pindaan, pembetulan dan tambahan kecil telah dibuat, dengan tujuan untuk menambah baikkannya lagi.

Tidak lama lagi saya harap dapat mengusahakan buku yang lebih besar dan diharap lebih lengkap lagi. Usaha ini pastinya sulit dan mungkin mengambil masa yang lebih panjang.

Saya mengharapkan para pembaca buku ini akan dapat memberikan pandangan serta kritikan kepada saya supaya dapat menjayakan usaha ini. Terima kasih.

Dr Syed Husin Ali

(husinsa23@yahoo.com)

Petaling Jaya

23hb April 2018



PENDAHULUAN

Sejarah ialah satu bidang ilmu yang penting. Ia membantu individu dan masyarakat mengenal diri sendiri. Dengan mengenali sejarah kita boleh memahami masalah-masalah yang dihadapi masa kini. Seterusnya, memahami masalah-masalah masa kini boleh membantu kita meramal, walaupun tidak semestinya dengan tepat, apa yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Sejarah merupakan ilmu yang penting ditelaah oleh semua pelajar, bahkan perlu digalak supaya ia dipelajari oleh seluruh rakyat.

Tujuan buku ini ialah untuk mengemukakan dengan ringkas Sejarah Rakyat Malaysia (dulu Malaya). Pendekatannya berbeza dengan yang biasa terdapat dalam buku-buku yang boleh dikatakan sebagai Sejarah Rasmi. Sifatnya lebih popular dan tidak akademik, supaya mudah dibaca oleh khalayak ramai, tidak kira muda ataupun tua. Untuk memudahkannya lagi maka tidak diberikan nota-nota kaki.

Sumber buku ini ialah bahan-bahan sekunder, seperti tersenarai dalam bahagian rujukan di penghujung buku ini dan bukannya bahan-bahan primer seperti rekod, dokumen atau catatan yang tersimpan di pelbagai tempat. Ini langkah permulaan. Selepas ini diharap akan dapat diusahakan pula penulisan sebuah

buku sejarah rakyat yang lebih lengkap dan bersifat akademik, berasaskan bahan-bahan sekunder dan juga primer.

Bidang sejarah rakyat Malaysia sangat luas dan tidak mungkin dapat diliputi seluruhnya dalam sebuah buku sekecil ini. Oleh kerana itu, penulis bercadang untuk menumpu perhatiannya kepada satu sudut daripadanya sahaja, iaitu perkembangan nasionalisme atau semangat kebangsaan. Ada pendapat mengatakan nasionalisme wujud berikutan perkembangan kapitalisme di Eropah. Akan tetapi di negara-negara sedang membangun termasuk Malaysia, ia timbul sebelum kapitalisme, dan dikaitkan dengan semangat serta perjuangan menentang penjajahan untuk mendapatkan kemerdekaan. Boleh dikatakan perkembangan nasionalisme ini merupakan aspek paling penting dalam sejarah Malaysia, kerana ia melibatkan fasa pembentukan negara-bangsa kita yang membawa banyak perubahan.

Ada dua aspek atau tahap perkembangan ini. Pertamanya, melibatkan pembesar dan pengikut mereka menentang pihak penjajah yang cuba hendak bertapak di negeri-negeri mereka, seperti dalam penentangan terhadap Portugis yang hendak menakluki Melaka. Kedua ialah apabila pemimpin dan rakyat berjuang untuk menolak penjajahan, seperti penjajahan Inggeris yang sudah pun bertapak, demi mencapai Merdeka, iaitu kemerdekaan negara dan pembebasan rakyat.

Pada umumnya boleh dikatakan ada beberapa pendekatan kepada penulisan sejarah sesebuah negara. Di Malaysia, secara yang mudah boleh dikatakan terdapat tiga jenis sejarah, iaitu: Sejarah Rasmi, Sejarah Alternatif dan Sejarah Rakyat. Berkaitan jenis-jenis sejarah ini ialah perbezaan dalam cara atau pendekatan penulisannya. Perbezaan di antaranya ini perlu difahami.

Sejarah Rasmi

Biasanya, yang dikatakan Sejarah Rasmi ialah sejarah yang diiktiraf secara rasmi, dan oleh kerana itu terjelma dengan jelas dalam semua penerbitan, terutama sekali buku-buku sejarah yang digunakan untuk sekolah-sekolah kerajaan, walaupun tidak terbatas semata-mata kepadanya. Sering dikatakan bahawa sejarah rasmi lazimnya adalah sejarah golongan yang menang, biasanya dikaitkan dengan golongan elit yang akhirnya memerintah dalam sesebuah negara.

Dalam keadaan sesebuah negara yang dikalahkan dan dijajah oleh negara yang lain, maka sejarah rasmi mengutamakan sejarah golongan yang menang atau menjajah itu. Semasa saya bersekolah menengah hampir 65 tahun dulu, kami menggunakan buku sejarah mengenai Empayar British, yang mengagungkan pemerintahan penjajah Inggeris dan tokoh-tokoh pentingnya.

Sebagai contoh, di India, sejarah yang diutamakan dan diagungkan ialah mengenai Robert Clive (Ketua Pemerintah British) dan Perang Plassey yang dimenangnya dan membuka jalan kepada pendudukan Inggeris dan permulaan empayar Inggeris ke atas seluruh India. Sedikit saja atau tiada sama sekali yang menyebut mengenai perjuangan orang India menentangnya seperti pemberontakan pasukan Sepoy yang disokong oleh petani-petani pada tahun 1856. Berbanding dengan Clive, Tipu Sultan, Maharaja Mysore, yang menentang penjajah Inggeris, misalnya, tidak disebut sangat dan bahkan sering diburuk-burukkan.

Begitu juga “kemenangan” politik (walaupun tidak melibatkan pertempuran besar seperti Perang Plassey), telah mewujudkan penjajahan Inggeris ke atas negeri-negeri di Semenanjung Melayu. Sejarah rasmi waktu itu lebih menekankan pemerintahan dan pegawai-

pegawai golongan penjajah yang merupakan elit pemerintahan itu. Peranan mereka yang dijajah, walaupun daripada golongan atasan, apatah lagi golongan rakyat bawahan, tenggelam begitu saja.

Di dalam pemerintahan tradisional yang tidak atau belum dikuasai penjajahan, lapisan atasan atau elitnya terdiri daripada golongan bangsawan dengan raja sebagai kemuncaknya. Hikayat-hikayat lama lebih banyak menceritakan hal-hal berkaitan raja dan golongan bangsawan. Ini jelas kelihatan, contohnya, dalam *Sejarah Melayu*, karangan Tun Seri Lanang, *Misa Melayu* dan *Merong Mahawangsa*.

Bahkan buku-buku sejarah oleh penulis-penulis dari Barat atau daripada golongan penjajah itupun, apabila menulis tentang sejarah masyarakat tradisional Melayu, lebih menekankan peranan raja dan golongan bangsawan, yang merupakan golongan elit. Misalnya, ini dapat dilihat dengan jelas dalam buku sejarah yang mereka tulis seperti oleh Richard Winstedt, *A History of Malaya*.

Semua ini boleh dianggap sebagai contoh-contoh sejarah rasmi. Dalam perkembangan terakhir di negara ini, kita dapati lebih banyak yang ditulis mengenai golongan elit yang memerintah, selepas memenangi pilihanraya, umpamanya. Benar bahawa dalam buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah dan juga yang diterbitkan untuk bacaan umum sekarang, peristiwa-peristiwa dan pelakon-pelakonnya semasa menentang penjajahan yang hendak bertapak di negeri-negeri Melayu, sudah ada diceritakan. Akan tetapi, penentangan semua lapisan orang Melayu terhadap penjajahan, walaupun ada, tidak diberi liputan yang luas. Yang lebih diutamakan ialah kisah-kisah kejayaan penjajah dan tokoh-tokoh penting berkaitan dengannya.

Tokoh-tokoh pembesar tradisional seperti Penghulu Naning, Panglima Lela, Datuk Bahaman, Tok Janggut, Mat Salleh, Rentap

dan ramai lagi, berserta pengikut-pengikut mereka memainkan peranan penting untuk menentang kemasukan penjajah Inggeris demi mempertahankan kedaulatan negeri-negeri mereka dan juga sumber pendapatan mereka, seperti cukai. Ada ketikanya sesetengah daripada mereka tidak disebut di dalam buku-buku sejarah rasmi.

Akan tetapi sekarang ini, misalnya dalam buku-buku sejarah rasmi, seperti yang digunakan oleh sekolah-sekolah, mereka dan gerakan-gerakan mereka mulai disebut. Ini mungkin kesan daripada lebih ramai pengkaji sejarah dan pertubuhan-pertubuhan yang memberikan penilaian terhadap tokoh-tokoh ini serta gerakan-gerakan yang mereka pimpin. Bahkan Parti Komunis Malaya pun diiktiraf peranan penting mereka ini dalam sejarah perjuangan mempertahankan kedaulatan negara dan juga kemerdekaan rakyat.

Oleh kerana itu, golongan elit yang berkuasa kini menyedari mereka tidak boleh ketinggalan. Mereka tidak boleh mengesampingkan semua pejuang dan gerakan yang menentang kemasukan penjajah itu. Mereka mahu mewarisi perjuangan lama ini sebagai milik mereka dan bukan milik orang lain. Oleh itu mereka perlu mengiktiraf sejarah tokoh-tokoh ini dan gerakan-gerakan yang mereka pimpin. Walaupun sudah mulai ada pengiktirafan ini, namun masih dirasakan apa yang disebut atau ditulis dalam buku-buku sejarah rasmi mengenai mereka itu masih belum mencukupi dan kadang-kadang dianggap tidak begitu seimbang dengan betapa besarnya peranan yang mereka mainkan.

Kemudian, apabila rakyat negara ini bangun menentang penjajahan dan menuntut kemerdekaan, pertubuhan-pertubuhan politik seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) serta Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), dan pemimpin mereka



Dr Burhanuddin Helmy



Ishak Haji Muhammad



Ahmad Boestamam

seperti Dr Burhanuddin Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam memainkan peranan penting. Akan tetapi KMM diharamkan dan PKMM dibungkam selepas ramai pemimpin serta anggotanya ditahan oleh pemerintahan penjajah.

Ini menimbulkan lompang kekosongan dalam suasana politik negara. Dalam keadaan vakum ini pihak berkuasa penjajah Inggeris telah menggalakkan perkembangan United Malays National Organisation (UMNO), atau dikenali juga terlebih dulu sebagai Pergerakan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR). Penjajah merasakan lebih selamat dengan parti ini.


Pegawai-pegawai tinggi dalam pentadbiran kerajaan dibenarkan bergerak dalam UMNO dan juga untuk menjadi pemimpinnya. Tunku Abdul Rahman, Abdul Razak Hussein dan Dr Ismail Abdul Rahman muncul sebagai para pemimpin UMNO, yang diuar-uarkan sebagai pejuang-pejuang terulung dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu.

Buku-buku sejarah rasmi, khususnya teks sekolah menceritakan seolah-olah UMNO dan pemimpinnya saja yang memperjuangkan kemerdekaan Malaya, walaupun pada mulanya mereka takut hendak melaungkan cogan kata “Merdeka!” dan



Kesatuan Melayu Muda (KMM)

Pertubuhan Kebangsaan
Melayu Bersatu
United Malay National Organisation
UMNO / PEKEMBAR
آرتو يو هن كيمسان ملايو برساتو



Pergerakan Kebangsaan Melayu
Bersatu (PEKEMBAR)



Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

hanya berani melaungkan “Hidup Melayu!”. Parti-parti dan pemimpin-pemimpin yang mula menggerakkan perjuangan kemerdekaan tulen selalunya disebutkan sedikit saja dalam buku-buku teks sejarah rasmi itu.



Tunku Abdul Rahman



Abdul Razak Hussein



Dr Ismail Abdul Rahman

Terdapat beberapa ciri penting Sejarah Rasmi bagi negara ini. Antaranya adalah seperti berikut:

- i) Ia menumpu kepada golongan atasan atau elit (yang menang) serta berkuasa dan peranan parti-parti politik yang mereka pimpin;
- ii) Ia lebih menekankan peranan individu daripada golongan yang mempunyai kuasa berbanding peranan kumpulan serta gerakan masyarakat daripada lapisan bawah;
- iii) Ia lebih mengutamakan sejarah Semenanjung Melayu sehingga menimbulkan rasa kurang puas hati dalam kalangan masyarakat Sarawak dan Sabah kerana kurang diberikan perhatian kepada mereka;
- iv) Ia menekankan lebih banyak sejarah orang Melayu-Islam, dan sering dianggap bahkan dituduh oleh golongan minoriti bukan Islam sebagai hampir-hampir menghilangkan sejarah mereka;
- v) Ia lebih banyak menumpu kepada soal-soal serta naratif politik, khususnya bagi golongan majoriti, dan tidak memberikan penumpuan secukupnya kepada aspek ekonomi serta sosial dan juga golongan minoriti;

- vi) Ia tidak cukup membicarakan soal hubungan antara kaum dan proses mencipta sebuah negara-bangsa yang bersatu; dan
- vii) Ia jarang sekali meletakkan sejarah Malaysia (dan Malaya) dalam konteks wilayah dan masyarakat yang lebih luas di sekitarnya.

Mari kita huraikan sedikit tentang ciri-ciri ini.

Apabila dikatakan pada (i) dan (ii) bahawa sejarah rasmi sering menumpukan perhatiannya kepada golongan elit dan individu yang berkuasa, maksudnya ialah walaupun yang diutamakan peranan lapisan atasan atau elit, namun terdapat penumpuan kepada peranan seseorang tokoh yang menjadi pemimpin penting, tidak kira dia seorang Stamford Raffles, Sultan Abu Bakar ataupun Tunku Abdul Rahman. Selain itu, ia juga bermaksud peranan masyarakat atau kumpulan-kumpulan masyarakat, terutama daripada lapisan bawahan, tidak diindahkan sangat.

Berhubung dengan (iii), Sarawak dan Sabah kurang diberi tumpuan, mungkin kerana kedua-dua buah wilayah ini baru saja bersama-sama membentuk Malaysia pada tahun 1963. Namun kita ketahui bahawa mereka mempunyai sejarah agak panjang jua, sama ada sebelum, semasa ataupun selepas penjajahan Inggeris. Mungkin ini kerana belum banyak lagi dikaji tentang kedua-dua buah negeri ini. Akan tetapi ada pula yang menganggapnya sebagai mencerminkan pandangan yang terlalu bertumpu kepada Semenanjung (atau *Peninsular-centric*).

Tentang ciri (iv) pula, ini mungkin dipengaruhi oleh keadaan di mana orang Melayu merupakan majoriti dan dianggap sebagai teras penduduk negara; dan selain itu Islam adalah agama Persekutuan, mengikut Perlembagaan Malaysia. Akan tetapi sejarah Malaysia

bukanlah dimonopoli oleh sejarah Melayu-Islam saja. Cuma ada anggapan, bahkan tuduhan bahawa sejarah bukan Melayu dan bukan Islam tidak diberikan tekanan yang mencukupi sewajarnya.

Mengenai ciri (v), memang aspek politik dipandang paling penting dan lebih banyak dicatatkan, dan tidak pula dinafikan bahawa aspek-aspek ekonomi sosial disentuh juga, akan tetapi sentuhan itu adakalanya tidak begitu memuaskan. Tidak bererti pula bahawa sejarah sesebuah negara seharusnya menjadi sejarah sosio-ekonomi sebahagian besarnya, apatah lagi sepenuhnya.

Berbalik kepada (vi) pula, boleh dikatakan proses menjana perpaduan kaum dan membentuk integrasi nasional merupakan satu aspek yang penting dalam sejarah negara ini. Akan tetapi kelihatan ini kurang ditekankan, mungkin kerana pengaruh ciri (iii) dan (iv), sepertimana yang dibicarakan di atas. Adalah sangat baik sekiranya pengemukaan sejarah untuk umum dan buku-buku teks sejarah untuk sekolah-sekolah, terutama sekali, boleh dijadikan saluran bagi menimbulkan kesedaran tentang keperluan perpaduan kaum dan integrasi nasional itu.

Akhirnya, berhubung ciri (vii), ia bermakna bahawa lazimnya sejarah yang ditulis tentang masyarakat dan negara ini, terutama dalam buku-buku teks sejarah untuk sekolah-sekolah, dan juga yang diwar-warkan melalui media massa semasa menyambut hari Merdeka bertumpu hampir seluruhnya kepada soal-soal politik dan peranan parti-parti politik yang menang dalam negara dan masyarakat di sini, lazimnya secara berasingan, tanpa menghubungkaitkannya dengan sejarah negara dan masyarakat lain, terutama sekali di dalam rantau Nusantara ini.

Dari zaman lampau lagi sejarah masyarakat dan negara yang kini digelar Malaysia (dulu Malaya atau Tanah Melayu) mempunyai hubungan politik, ekonomi dan agama yang rapat

dengan sejarah beberapa buah masyarakat dan negara berkaitan, terutama Indonesia dan Thailand. Rasanya, perlu dirujuk aspek-aspek perhubungan ini, dan tidak mengabaikannya sama sekali.

Sejarah Alternatif

Selepas Sejarah Rasmi ialah apa yang disebut sebagai Sejarah Alternatif, iaitu jenis yang pada umumnya dan secara mudah boleh dikatakan sebagai merupakan alternatif kepada sejarah yang rasmi itu. Sejarah Rasmi, misalnya menyebut ataupun menekankan peranan parti UMNO dan para pemimpinnya, khususnya Tunku Abdul Rahman, Abdul Razak Hussein dan Dr Ismail Abdul Rahman sebagai pejuang untuk mencapai kemerdekaan negara.

Secara mudahnya, adakah boleh dikatakan bahawa Sejarah Alternatif harus lebih menekankan peranan KMM (Kesatuan Melayu Muda) serta PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya) dan para pemimpinnya seperti Dr Burhanuddin Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam dengan tidak berapa mempedulikan sumbangan UMNO dan pemimpinnya? Mungkin cara begini terlalu simplistik; menggantikan satu pendekatan berat sebelah dengan satu lagi pendekatan berat sebelah juga sebagai alternatifnya tidaklah memuaskan.

Dr Ismail bin Abdul Rahman, yang pernah menjadi seorang Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, sebelum meninggal telah memberi ucapan penting semasa beliau dianugerahkan ijazah kedoktoran kehormat oleh Universiti Sains Malaysia pada awal 1970an. Dalam ucapan itu beliau berkata lebih kurang begini: pelbagai parti dan pemimpin daripada aliran politik yang berlainan telah menyumbang kepada perjuangan untuk kemerdekaan; mereka semua harus diberikan pengiktirafan sewajarnya.

Dalam sejarah Malaysia yang baru, perlulah diperlihatkan keseimbangan dalam penulisannya, iaitu untuk menjelaskan peranan UMNO dan Tunku Abdul Rahman tanpa memperkecilkannya, dan juga mengiktiraf apa yang telah disumbangkan oleh KMM, PKMM dan para pemimpin seperti Dr Burhanuddin, Ishak dan Boestamam. Sejarah Rasmi tidak harus memadamkan peranan KMM serta PKMM dengan pemimpin-pemimpinnya dan Sejarah Alternatif harus mengakui juga sumbangan UMNO dengan pemimpin-pemimpinnya kepada perjuangan kemerdekaan.

Peranan kedua-dua pihak harus diambil kira secara yang seimbang. Tidak wajarlah jika buku-buku teks sekolah, misalnya, mengesampingkan sumbangan KMM, PKMM, Dr Burhanuddin Helmy, Ishak Haji Muhammad serta Ahmad Boestamam, semata-mata kerana mereka berbeza pandangan dengan UMNO dan mengkritiknya serta para pemimpinnya. Sejarah mereka ini tidak harus diperkecilkan apatah lagi dipadam terus dari halaman buku-buku sejarah rasmi semata-mata dengan alasan bahkan tuduhan bahawa kononnya mereka bekerjasama dengan komunis atau bersikap pro-komunis.



Abdullah C.D.

Sebenarnya, peranan Parti Komunis Malaysia dan para pemimpinnya harus juga dinilai semula dalam sejarah Malaysia terkini. Kita harus menimbang semula adakah adil untuk memburukkan saja mereka dan menafikan sama sekali sumbangan mereka kepada perjuangan untuk Merdeka, walaupun diakui mereka

atau lebih tepat, sebilangan anggota-anggota mereka melakukan keganasan.

Namun begitu tidak harus dilupakan juga bahawa sebahagian daripada mereka yang mengangkat senjata bersama-sama PKM adalah asalnya pejuang-pejuang nasionalis tulen untuk kemerdekaan, kebanyakannya daripada PKMM, yang masuk hutan kerana tidak mahu ditangkap, ditahan dan dizalimi oleh kuasa penjajah Inggeris, dan supaya mereka boleh terus memerjuangkan kemerdekaan tanah air. Antara mereka ialah Abdullah C.D., Rashid Maidin, Shamsiah Fakeh dan Zainab Baginda.

Merujuk kepada tujuh ciri Sejarah Rasmi yang telah dihuraikan, maka perlulah pula Sejarah Alternatif memperlihatkan ciri-ciri sebaliknya. Sejarah alternatif hendaklah memberikan peranan kepada masyarakat bawahan dan menumpu kepada sejarah sosial yang melibatkan lebih ramai anggota masyarakat dan bukannya bertumpu kepada individu-individu tertentu ataupun sebilangan kecil saja daripada lapisan atasan atau elit. Ia tidak harus bertumpu hanya kepada parti-parti politik serta pemimpin-pemimpin utamanya, bahkan mengambil berat juga mengenai gerakan-gerakan lain, seperti gerakan pekerja, gerakan wanita, gerakan pelajar, dan juga peranan Orang Asal.

Selain itu Sejarah Alternatif perlu juga memperlihat ciri-ciri seperti memberikan liputan ataupun penekanan seimbang yang



Rashid Maidin



Shamsiah Fakeh

sewajarnya kepada negeri Sarawak dan Sabah dan juga kepada golongan minoriti bukan Melayu serta bukan Islam, bukan saja di negeri-negeri itu sahaja bahkan juga di Semenanjung. Akan tetapi, yang menjadi masalah ialah: berapa banyakkah ataupun berapa luaskah seharusnya liputan atau penekanan bagi golongan minoriti itu supaya dapat diterima sebagai seimbang dan adil?

Seterusnya, Sejarah Alternatif harus tidak mengeneppikan aspek ekonomi yang kadang-kadang menjadi asas penting bagi perkembangan politik dalam sejarah negara ini. Akan tetapi, ia tidak harus menjadi sepenuhnya seperti sejarah ekonomi. Begitu juga perubahan sosial yang dipengaruhi oleh faktor-faktor ekonomi dan politik seharusnya diambil perhatian juga.

Begitu juga Sejarah Alternatif semestinya mengandungi unsur-unsur dan aspek-aspek yang boleh menjelaskan sedikit sebanyak tentang proses menggalakkan perpaduan bangsa dan integrasi nasional. Akhirnya, Sejarah Alternatif hendaklah cuba mengemukakan sejarah negara ini dalam konteks hubungannya dengan negara tetangga dalam wilayah sekitarnya, terutama sekali dalam lingkungan apa yang dikenali sebagai Nusantara, dan tidak harus dianggap sebagai tersendiri dan terasing.

Sejarah Rakyat

Sekarang kita berpindah pula kepada pendekatan atau jenis sejarah yang ketiga, iaitu apa yang boleh dikatakan sebagai Sejarah Rakyat. Sejarah ini menumpu perhatian kepada dan menekankan peranan golongan atau individu daripada golongan rakyat lapisan bawahan. Ia berbeza, seperti yang telah dijelaskan di atas, dengan Sejarah Rasmi yang lebih banyak menumpukan perhatian dan menekankan peranan individu dan golongan elit atau atasan yang menang.

Bahkan kita tidak mahu Sejarah Rakyat pun melakukan kesilapan yang sama juga, iaitu dengan menumpu hanya kepada peranan golongan serta individu yang hampir dipadamkan sejarahnya dalam Sejarah Rasmi itu. Sebenarnya ada dua jenis golongan elit atau lapisan atasan itu. Pertama ialah individu serta kelompok daripada golongan elit yang bersikap dan bertindak pro rakyat. Keduanya ialah mereka yang lazimnya bersikap dan bertindak anti rakyat dan lebih pro kepada golongan atasan, biasanya terdiri daripada kaum bangsawan, hartawan atau kuasawan.

Pada asas dan terasnya, Sejarah Rakyat umumnya lebih merupakan jenis yang berpendekatan menumpu atau menekan kepada golongan rakyat daripada lapisan bawahan. Selain fokusnya kepada politik serta ekonomi dan sosial, ia harus juga menekankan tentang bagaimana rakyat hidup bersama – dalam keluarga, komuniti dan juga berhubung migrasi. Akan tetapi ada masalah besar untuk menulis Sejarah Rakyat, kerana lazimnya kurang sekali, bahkan kadang-kadang tiada sama sekali bahan-bahan atau catatan-catatan tentang apa yang dilaku dan dicapai oleh individu dan golongan rakyat daripada lapisan bawahan itu.

Oleh yang demikian para sejarawan perlu bergantung kepada, antara lainnya, metodologi yang selalu digunakan oleh ahli sosiologi juga, iaitu dengan menemubual (*interview*). Ini dikenali sebagai cara mengumpul sejarah lisan atau “*oral history*”. Akan tetapi bagaimanakah hendak menemubual mereka atau teman-teman mereka jikalau semuanya sudah meninggal ataupun sudah terlalu tua sehingga hampir hilang ingatan? Selain itu sejarah lisan mempunyai kekurangan juga, sebab tidak semua yang ditemuramah ingat dengan tepatnya segala peristiwa.

SEJARAH RAKYAT MALAYSIA

Buku ini bertujuan untuk mengemukakan dengan ringkas Sejarah Rakyat Malaysia (dulunya Malaya). Pendekatannya berbeza dengan yang biasa terdapat dalam naskah buku yang boleh dikatakan Sejarah Rasmi. Sifat penulisan karya ini lebih popular dan tidak akademik, supaya mudah dibaca oleh khalayak ramai, tidak kira muda ataupun tua.

Bidang sejarah rakyat Malaysia sangat luas dan tidak mungkin dirangkumi seluruhnya dalam sebuah buku sekecil ini. Oleh kerana itu, penulis menumpu perhatian khusus kepada satu sudut daripadanya sahaja, iaitu perkembangan nasionalisme atau semangat kebangsaan. Boleh dikatakan perkembangan nasionalisme ini merupakan aspek paling penting dalam sejarah Malaysia, kerana ia melibatkan fasa pembentukan negara bangsa kita yang banyak mengombak perubahan.



ISBN 978 967-26834-3-8



9 789672 683438



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA